# Kertas Bil. 60/2022

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 25 – 29 JULAI DAN 1 – 2 OGOS 2022**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PELAKSANAAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN (HASIL LAWATAN KE DAERAH SABAK BERNAM) DI NEGERI SELANGOR**

**KERTAS BILANGAN 30/2022**

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI PELAKSANAAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN (HASIL LAWATAN KE DAERAH SABAK BERNAM) DI NEGERI SELANGOR YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 25 JULAI – 29 JULAI 2022 DAN 01 OGOS – 02 OGOS 2022**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bil 30 / 2022 | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI PELAKSANAAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN (HASIL LAWATAN KE DAERAH SABAK BERNAM) DI NEGERI SELANGOR** | 6.1 | Jawatankuasa menyarankan agar kerajaan tidak lagi menggunakan pengesahan gaji melalui Ahli Parlimen, ADUN, Ketua Kampung dan mana-mana lagi lantikan politik. Pengesahan pendapatan seharusnya dilaksanakan oleh pegawai agensi yang diberi latihan dan mempunyai kepakaran untuk menyiasat pendapatan sebenar seseorang pemohon.<br><br>6.1.1 Pengesahan pendapatan oleh pegawai bertauliah ini seharusnya dikongsi bersama agensi lain melalui eKasih atau SSIPR untuk mengelak dua agensi membuat pertindihan kerja. | | / | Kerajaan Negeri berpandangan bahawa tiada keperluan untuk melaksanakan sebarang pelantikan pegawai khas bagi tujuan pengesahan dokumen orang awam. Ini disebabkan Kerajaan Malaysia telah membenarkan pengesahan dokumen kepada pegawai-pegawai berjawatan tinggi atau mana-mana jawatan yang dibenarkan, berdasarkan beberapa kategori seperti berikut:<br><br>1) Pegawai Kerajaan Gred 41 ke atas (Kumpulan A);<br>2) Sektor Pendidikan (IPTA, PPN, PPD, Sekolah);<br>3) Badan Berkanun;<br>4) Badan Beruniform (Polis, Tentera, Bomba, Kastam, dll.);<br>5) Lain-lain (antaranya Pesuruhjaya Sumpah, Wakil Rakyat, Orang Besar Daerah, Penghulu, Ketua Kampung, dll.) |

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
EXCO KEBAJIKAN MASYARAKAT, PEKERJA & KERAJAAN PRIHATIN
Tingkat 5, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam, Selangor
TEL: 603-55447305/7306/7307 FAKS: 603-55106678

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | UPEN berpandangan penambahbaikan dapat dibuat ke atas Borang Pengesahan Dokumen dengan **menggalakkan** pengesahan dibuat melalui individu yang lebih berkelayakan seperti Pesuruhjaya Sumpah atau Jaksa Pendamai (JP). |
| | | 6.2 | Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan mengambilkira faktor sikap penerima bantuan dalam membuat dasar berkaitan pembasmian kemiskinan. Tidak cukup untuk Kerajaan menghulurkan bantuan tunai dan barangan, tetapi harus melaksanakan program menangani sikap negatif penerima bantuan-bantuan serta mewujudkan mekanisma untuk mengenalpasti perubahan sikap dan menjejaki serta memantau kemajuan penerima bantuan pembasmian kemiskinan. | / | | Kerajaan Negeri bersetuju akan saranan ini dan pemantauan ke atas program-program berkaitan akan dilaksanakan. |

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
EXCO KEBAJIKAN MASYARAKAT, PEKERJA & KERAJAAN PRIHATIN
Tingkat 5, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam, Selangor
TEL: 603-55447305/7306/7307 FAKS: 603-55106678

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 6.3 | Jawatankuasa mencadangkan agar Kerajaan menetapkan syarat tempoh masa (*exit policy*) bagi pemberian bantuan khusus kepada golongan miskin yang mampu bekerja dan meningkatkan pendapatan serta memberi penerangan kepada mereka bahawa tujuan utama pemberian bantuan tersebut adalah untuk mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan. | / | | Kebanyakan program-program di bawah Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar pemisah (exit policy) kepada penerima-penerima program/inisiatif, iaitu antara satu (1) tahun ke (2) tahun. |
| | | 6.4 | Jawatankuasa juga menyarankan agar halatuju Kerajaan dalam membasmi kemiskinan tidak semata-mata dalam kerangka sistem kebajikan (*welfare system*) terutama kepada golongan miskin yang mampu bekerja dan meningkatkan pendapatan.<br><br>6.4.1 Kerajaan boleh melaksanakan dasar sistem "upah-kerja" (*workfare system*) dimana penerima haruslah bekerja atau melaksanakan perkhidmatan yang ditetapkan oleh kerajaan terlebih dahulu sebelum menerima bantuan. | / | | Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan saranan ini melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Pekerjaan di bawah perancangan dan program yang berkaitan dalam memastikan rakyat Selangor yang terbeban dapat dibantu sewajarnya melalui bantuan pekerjaan yang bersesuaian. |

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
EXCO KEBAJIKAN MASYARAKAT, PEKERJA & KERAJAAN PRIHATIN
Tingkat 5, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam, Selangor
TEL: 603-55447305/7306/7307 FAKS: 603-55106678

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 6.4.2 Contoh "*workfare*" yang boleh dilaksanakan adalah bekerja di tempat cuci kereta, kerja dengan kontraktor pembersihan KDEB, restoran-restoran dan sebagainya. | | | |

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
EXCO KEBAJIKAN MASYARAKAT, PEKERJA & KERAJAAN PRIHATIN
Tingkat 5, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam, Selangor
TEL: 603-55447305/7306/7307 FAKS: 603-55106678